

Latihan Tata Bahasa Bahasa Melayu Tahun 3

Nama : \_\_\_\_\_

Tahun : 3 (     )

**A. Bina ayat majmuk berdasarkan ayat tunggal dan kata hubung yang diberi.**

1. (a) Mei Ling memasak gulai ikan di dapur. ( sambil )  
(b) Mei Ling menyanyi di dapur.

---

---

2. (a) Kah Meng hendak membeli sebuah kamus. ( tetapi )  
(b) Kah Meng tidak cukup duit.

---

---

**B. Isi tempat kosong dengan simpulan bahasa yang sesuai.**

ada bakat	ambil berat	besar hati
anak emas	bulat kata	

Jane adik saya. Dia juga (1) \_\_\_\_\_ dalam keluarga saya.

Adik saya (2) \_\_\_\_\_ dalam bidang lukisan. Kami sekeluarga (3) \_\_\_\_\_

tentang minat Jane. Ibu dan ayah saya

(4) \_\_\_\_\_ untuk menghantar adik

ke kelas lukisan. Dia belajar melukis lukisan

dengan bersungguh-sungguh. Kami berasa (5) \_\_\_\_\_ kerana Jane

mendapat tempat pertama dalam pertandingan melukis di sekolah.



C. Bulatkan kata ganti nama diri yang sesuai bagi setiap ayat di bawah.

1. "Mengapakah \_\_\_\_\_ tidak hadir ke sekolah semalam, Siva?" tanya Varuni.  
A beta                      B saya                      C kamu                      D patik
2. Murid-murid Tahun Tiga Bestari berada di padang. \_\_\_\_\_ sedang menjalankan aktiviti senaman di padang.  
A Saya                      B Mereka                      C Kami                      D Kamu
3. "Rasimi, \_\_\_\_\_ akan menyertai lawatan ke Pusat Sains Negara pada hari Sabtu ini," kata Jothan dan Ravin.  
A kami                      B beliau                      C kita                      D mereka
4. "Sebagai murid, \_\_\_\_\_ mesti mematuhi peraturan sekolah," kata Yen Ni kepada rakan-rakannya.  
A kami                      B Saudara                      C mereka                      D kita

D. Tandakan ( ) pada ayat yang betul dan ( ) pada ayat yang salah.

1. Adik hendak bermain di luar rumah tetapi dilarang oleh ibu. ....
2. Brosur tentang keselamatan jalan raya diberikan dari Ravin. ....
3. Kita harus mendapat kebenaran daripada ibu bapa sebelum keluar bermain. ....
4. Wai Lum lewat ke sekolah kerana rantai basikalnya putus pada pagi tadi. ....
5. Puan Lee melihat-lihat alatan elektrik supaya mendengar penerangan jurujual itu. ....

E. Bulatkan penjodoh bilangan yang sesuai. Kemudian, isikan di tempat kosong.

1. Jeff memberi rakannya se\_\_\_\_\_ (ulas ; potong ) kek lapis.
2. Susan menghadiahi ibunya tiga \_\_\_\_\_ ( kuntum ; batang ) bunga mawar.
3. Varuni membawa se\_\_\_\_\_ ( kaki ; buah ) payung semasa ke sekolah kerana hujan sudah turun.
4. Kakak mencatatkan maklumat pada se \_\_\_\_\_ ( keping ; helai ) kertas.
5. Ayah sedang duduk di atas sofa sambil membaca se \_\_\_\_\_ ( keping ; naskhah ) surat khabar.

F. Padankan perkataan yang betul bagi melengkapkan **ayat tanya** di bawah.

\_\_\_\_\_ cara kita hendak menggunakan alat pemadam api?

Apakah

\_\_\_\_\_ fungsi alat pengesan asap ini?

Di manakah

\_\_\_\_\_ Faris tidak hadir ke sekolah pada hari ini?

Bagaimanakah

\_\_\_\_\_ letaknya Kedai Runcit Pak Amid?

Mengapakah

G. Isi tempat kosong dengan kata kerja pasif yang sesuai.

<b>dibungkus</b>	<b>dimop</b>	<b>dibuang</b>
<b>diberus</b>	<b>dicuci</b>	

Hari ini Joanne membersihkan bilik air rumahnya. Dia menjirus air sabun ke dalam tandas. Mangkuk tandas itu

(1) \_\_\_\_\_ oleh Joanne dengan

berus. Seterusnya, lantai bilik air itu

(2) \_\_\_\_\_ oleh Joanne agar lantai

tidak berlumut. Lantai itu (3) \_\_\_\_\_

oleh Joanne dengan menggunakan sebatang mop. Sampah di dalam bilik air itu

(4) \_\_\_\_\_ dengan beg plastik. Kemudian, beg plastik itu

(5) \_\_\_\_\_ oleh Joanne ke dalam tong sampah.



H. Gariskan kata adjektif yang betul dalam ayat di bawah.

1. Pinggang abang diikat dengan tali yang ( rendah ; panjang ) sebagai langkah keselamatan semasa mendaki tembok yang ( tinggi ; pendek ).
2. Pemandangan di Tanah Tinggi Cameron bukan sahaja ( riuh ; indah ) malahan udara di sana juga sungguh ( nyaman ; segar ).
3. Ming Jun menggunakan sebuah kamus yang ( nipis ; tebal ) untuk mencari maksud perkataan yang tidak difahaminya.
4. Cuaca pada hari ini sangat ( panas ; sejuk ) kerana sudah lama hujan tidak turun.
5. Para penduduk sedang menikmati makanan yang ( halus ; lazat ) semasa Jamuan Tahun Baharu Cina.